

Media Title : Kosmo
Headline : Lelaki rugi RM143,000 ditipu anggota polis palsu
Date : 31 January 2025
Section : Negara!
Page : 13



Lelaki rugi RM143,000 ditipu anggota polis palsu



TANGKAK – Seorang lelaki berputih mata apabila wang simpanannya berjumlah RM143,000 lesap dikebas scammer, gara-gara terlalu takut dikenakan tindakan kerana dituduh melakukan jenayah penipuan pelaburan saham.

Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendant Roslan Talib

berkata, mangsa berusia 44 tahun pada mula menerima panggilan daripada seorang lelaki menyamar sebagai anggota polis.

Katanya, suspek mendakwa mangsa terlibat dengan aktiviti penipuan pelaburan saham.

"Suspek juga menegaskan akan membekukan semua akaun bank milik lelaki itu bagi tujuan

siasatan serta audit.

"Mangsa kemudian diarahkan untuk membuat sejumlah bayaran agar tidak dikenakan tindakan undang-undang.

"Dia yang ketakutan kemudian melakukan sebanyak 10 transaksi ke akaun bank berbeza yang disyaki akaun keldai seperti yang diarahkan anggota polis terba-

bit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Roslan berkata, selepas menyedari dirinya telah ditipu, mangsa tampil membuat laporan polis pada Selasa lalu.

Katanya, polis telah membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.